

Ekonomi digital sumbang 25.5% KDNK

UM-24/11/2021 mlr: 3


PETALING JAYA: Perkembangan ekonomi digital yang turut diketengahkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 dijangka menyumbang sehingga suku daripada keseluruhan peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Di majlis pelancaran Pusat Inovasi Perkhidmatan Pelanggan Huawei Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ekonomi digital dijangka menyumbang 25.5 peratus kepada KDNK Malaysia menjelang 2025.

“Dengan strategi pembangunan kerajaan untuk lima tahun akan datang di bawah RMK-12, tumpuan kepada pengukuhan pertumbuhan akan terus diberi keutamaan, khususnya dalam sektor teknologi dan inovasi.

“Penggunaan teknologi yang cekap dan berkesan boleh memacu pertumbuhan ekonomi dengan memanfaatkan projek perkongsian awam-swasta, yang seterusnya boleh mengurangkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan rangkaian orang ramai kemudahan dan perkhidmatan, serta menggalakkan inovasi dan skala ekonomi,” katanya.

Tambah Ismail Sabri, syarikat-syarikat yang terlibat harus



ISMAIL Sabri Yaakob ketika melancarkan Pusat Inovasi Perkhidmatan Pelanggan Huawei Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

memperkuh perkongsian ini dan menjalin kerjasama baharu dengan sektor swasta sekali gus memastikan tempat Malaysia sebagai destinasi serantau teratas untuk pelabur.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Huawei Malaysia sekali lagi, atas sumbangan anda dan sokongan berterusan dalam merapatkan jurang digital.

“Saya percaya Malaysia mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk mencapai 100 peratus kecerdasan digital, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang terdedah dan mencetuskan pertumbuhan pesat ekonomi digital,” katanya.

Konsep Keluarga Malaysia turut diterapkan serta menjadi keutamaan walaupun dalam

ekonomi pendigitalan Malaysia.

“Saya bangga untuk menyatakan, dalam menerima konsep Keluarga Malaysia, Huawei telah mengambil peranan penting membantu kerajaan menangani perkara ini.

“Saya harap lebih banyak syarikat akan tampil untuk mengikuti jejak Huawei Malaysia,” katanya.